



Tangkapan beberapa orang pelajar sekolah yang dikatakan terlibat dengan kumpulan kongsi gelap Geng 24 di Klang baru-baru ini menunjukkan unsur gangsterisme dalam kalangan pelajar sekolah. Tambahan pula pihak polis juga memaklumkan sudah mengenal pasti sekolah di seluruh negara yang pelajar dan bekas pelajarnya terlibat dalam kegiatan gangsterisme untuk diambil tindakan. Ini membuktikan sekali lagi betapa segelintir pelajar sekolah sudah mula berjinak-jinak dengan kegiatan gangsterisme ini.

Jelas ini satu persekitaran yang kurang enak untuk kita dengar. Anak-anak yang diletakkan harapan tinggi oleh keluarga dan juga negara sebagai bakal pewaris generasi masa hadapan ini kelihatan sudah terpengaruh dengan kegiatan jenayah. Ironinya penglibatan mereka sejak di bangku sekolah ini menunjukkan masa depan pelajar ini cukup meragukan dan tidak menentu. Justeru semua pihak perlu bertindak segera untuk mengekang, membendung sekali gus melindungi anak-anak kita daripada terjebak dalam kegiatan tidak berfaedah dan jenayah seperti ini.

Untuk itu kita perlu melihat dulu bagaimana dan kenapa pelajar sekolah boleh terlibat dengan kegiatan kongsi gelap seperti ini. Bagi menjawap persoalan bagaimana mereka terlibat, baru-baru ini juga didebak betapa sudah ada kumpulan WhatsApp untuk merekrut ahli baru kumpulan kongsi gelap terutama dalam kalangan pelajar sekolah. Dan penulis percaya pelbagai medium media sosial lain seperti Facebook, Instagram dan Twitter juga sedang digunakan secara meluas untuk mempengaruhi dan merekrut golongan remaja untuk menyertai kongsi gelap tertentu. Kesukaran kita untuk mengawal dan memantau media seperti ini diambil kesempatan dan digunakan sepenuhnya oleh kumpulan kongsi gelap untuk menyebarkan fahaman dan pengaruh masing-masing dengan

begitu mudah. Tambahan pula golongan remaja ini antara kelompok pengguna media sosial yang tertinggi di negara ini.

Maka kita berharap pihak berkuasa akan memberi perhatian yang lebih serius dalam hal ini dengan melakukan pemantauan yang sewajarnya ke atas media sosial yang berkenaan supaya aktiviti penyebaran fahaman mereka dapat disekat dan dibendung. Ibu bapa juga perlu sentiasa memantau media sosial dan aktiviti komunikasi anak mereka dengan rakan mahupun pihak luar agar dapat menegur dan memperbetulkan kesilapan anak kita dengan segera.

Dalam pada itu satu lagi persoalan penting di sini ialah kenapa pelajar sekolah boleh terlibat dengan gangsterisme? Walaupun terlalu banyak teori dan alasan dikemukakan, namun kita boleh rumuskan kepada beberapa punca utama, antaranya ialah pengaruh kawan atau rakan sebaya. Penulis percaya kumpulan kongsi gelap biasanya akan menggunakan konsep Skim Cepat Kaya atau MLM iaitu rekrut menggunakan kawan di mana kumpulan ini akan menggunakan pelajar yang sudah terlibat dengan kumpulan mereka untuk mendekati dan mempengaruhi rakan mereka yang lain di sekolah. Ia boleh bermula dengan teman rapat, rakan sekelas dan hingga kepada rakan satu sekolah yang lain. Dan kita perlu ingat betapa naluri remaja yang mudah mempercayai rakan mereka berbanding orang lain menyebabkan mereka akan menjadi kumpulan sasaran yang paling mudah untuk ditarik masuk ke kumpulan tertentu.

Di samping itu kita yakin ada juga pelajar sekolah yang terlibat dalam kegiatan ini datangnya daripada keluarga bermasalah. Mungkin ada yang datang daripada keluarga di mana ibu bapanya sudah berpisah, keadaan ekonomi dan taraf hidup keluarga yang agak meruncing, ibu atau bapa sendiri terlibat dengan masalah sosial dan jenayah seperti dadah serta mungkin juga ada kaitan dengan unsur penderaan. Pokok pangkalnya keadaan dan latar belakang keluarga juga menjadi antara faktor utama yang boleh mendorong anak-anak memilih jalan keluar yang salah seperti



Lindungi pelajar terjebak gejala gangsterisme



menyertai kumpulan kongsi gelap.

Malah satu lagi sebab yang menjadi punca juga ialah daya penarik kumpulan kongsi gelap. Pelbagai kemewahan yang disogok dan ditawarkan oleh kumpulan ini juga dengan mudah menarik minat dan perhatian pelajar sekolah untuk menyertai kongsi gelap.

Umumnya jika kita meneliti secara mendalam mencuba dan terlibat dalam kongsi gelap. Misalnya sogokan dalam bentuk kewangan untuk hidup mewah pada usia remaja dengan mudah boleh menarik minat dan perhatian pelajar sekolah untuk menyertai kongsi gelap.

Umumnya jika kita meneliti secara mendalam

punca penyertaan pelajar sekolah dalam aktiviti gangsterisme ini banyak menjurus kepada pengaruh rakan dan juga peranan ibu bapa ataupun keluarga. Justeru jika kita mahu melindungi anak-anak kita kedua-dua punca ini perlu ditangani secara bijak dan berhemah.

Dari segi pengaruh rakan, kita harap ibu bapa, guru dan masyarakat sekeliling dapat memainkan peranan yang sewajarnya. Ibu bapa tidak mempunyai banyak pilihan. Anak adalah tanggungjawab ibu bapa sepenuhnya jadi perlu pastikan anak kita tidak bergaul dengan rakan yang bermasalah atau yang akan menarik mereka ke kancang kongsi gelap dan jenayah. Sebagai ibu bapa kita sewajarnya mengambil inisiatif untuk mengambil tahu dan mengenal latar belakang semua rakan anak kita. Jika didapati ada dalam kalangan mereka yang bermasalah seeloknya kita menasihati anak kita supaya menjauhkan diri daripada mereka.

Oleh kerana pertemuan dan pergaulan sesama mereka dilihat banyak berlaku di kawasan sekolah sebagai rakan sekolah maka kita harap pihak guru juga dapat memainkan peranan dengan terus memantau gerak geri pelajar yang mencurigakan. Jika didapati ada aktiviti yang meragukan atau menjurus ke arah gangsterisme mahupun buli dan memeras ugut segeralah lapor kepada ibu bapa dan

juga pihak berkuasa supaya kita dapat kekang dan selamatkan anak-anak kita dengan secepat yang mungkin. Kita harap tidak ada sekolah yang menyembunyikan kes seperti ini demi masa depan pelajar itu sendiri.

Masyarakat sekeliling juga boleh membantu dengan menjaga mata dan telinga kaum keluarga serta pihak berkuasa. Jika kita dapat ada pelajar sekolah yang terlibat dengan sebarang aktiviti yang tidak sihat di luar sekolah terutamanya anak jiran mahupun kenalan kita cepat-cepatlah kita laporkan kepada ibu bapa mereka mahupun kepada pihak berkuasa supaya dapat diambil tindakan yang sewajarnya dengan segera demi menyelamatkan mereka. Dalam konteks ini tidak salah untuk kita menjaga tetapi kain orang asalkan niat kita adalah baik dan bertujuan untuk menyelamatkan anak-anak kita.

Penularan gejala gangsterisme dalam kalangan pelajar sekolah amat membimbangkan kerana boleh merosakkan dan menghancurkan masa depan generasi pewaris negara. Justeru semua pihak perlu berganding bahu untuk melindungi pelajar kita agar tidak terjebak dalam kancang kongsi gelap dan gangsterisme seperti ini. Semoga insiden yang baru berlaku ini akan membuka mata semua pihak yang terlibat.

**Penulis Ketua
Bahagian Hal Ehwal
Pelajar UPM**